



Kuala Lumpur, 12 Februari – UDA Holdings Berhad (UDA) menerusi projek mega Bukit Bintang City Centre (BBCC) menerima kunjungan daripada peserta World Urban Forum 9 (WUF9) di Galeri BBCC, Jalan Hang Tuah, Kuala Lumpur, baru-baruini.

Kunjungan yang terdiri daripada delegasi antarabangsa itu berlangsung seiring dengan Kuala Lumpur sebagai menjadi tuan rumah bagi WUF9 bermula dari 7 hingga 13 Februari 2018.

Kunjungan yang berlangsung selama dua hari itu bermula dengan kunjungan rombongan pertama pada 10 Februari 2018 (Sabtu) yang disertai lebih 80 peserta.

Peserta terdiri daripada wakil dari Peru, Indonesia, New Zealand, Mali, Iran, Jerman, Vietnam, Brunei, Amerika Syarikat, Afrika Selatan, Nigeria Bolivia, Sepanyol, Greece, Australia, Itali, Columbia, Netherlands, Botswana, Zambia, India, Mexico, Ghana, Bahrain, Korea, Filipina, Turki, Palestin, Arab Saudi dan Malaysia.

Kunjungan berkenaan turut disertai delegasi dari Belgium yang terdiri daripada Timbalan Ketua Pengarah Kementerian Luar Negeri, Kare Stomark dan Timbalan Ketua Kabinet, Thomas Allegaert.

Kunjungan yang diberi nama 'KunjunganTeknikal' itu adalah sebahagian pengisian WUF9 selain pelbagai program lain yang diketengahkan seperti antaranya dialog, perjumpaan meja bulat dan membina rangkaian.

BBCC dipilih sebagai Kunjungan Teknikal laluan empat (Urban Regeneration Route) yang memfokuskan pada pembangunan semula di Kuala Lumpur.

Hadir bagi menyampaikan ucapan pembukaan dan menyambut delegasi Belgium serta peserta adalah Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Bahagian Perniagaan 7 Legasi, Datuk Nordin Murat yang ditemani Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Bahagian pembangunan Hartanah Encik Noor Azmi Salleh, Ketua Pegawai Operasi Bahagian Pengurusan Aset Datuk Ahmad Tajuddin Mohamed, Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Bahagian Perkhidmatan Korporat Encik Hishamuddin Mon dan Pemangku Ketua Kewangan Kumpulan Encik Zahrin Zakaria.

Datuk Nordin dalam ucapannya menyampaikan rasa syukur dan bertuah kerana projek mega hasil usahasama dengan Eco World Development Group Bhd dan

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) itu terpilih sebagai salah satu Kunjungan Teknikal.

“Kami ingin berterima kasih kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk peluang dan kepercayaan menjadi tuan rumah bagi kunjungan ini dan memilih BBCC sebagai lokasi untuk laluan ‘Urban Regeneration’,” katanya.

Menurutnya lagi, BBCC dengan jumlah kawasan binaan kasar seluas 6.7 juta kaki persegi dan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM8.7 bilion Berjaya menarik perhatian syarikat global.

Datuk Nordin juga yakin BBCC mempunyai segalanya dalam menjadi pusat bagi pembangunan ‘Greater Kuala Lumpur’.

Peserta WUF9 Cik Natasha Murray dan Cik Wadzanai Madangombe iaitu wakil dari Kerajaan Daerah Western Cape, Afrika Selatan turut teruja kerana berpeluang berkunjung ke BBCC.

Menurut Natasha, selaku pegawai yang terbabit dalam perancangan bandar di Western Cape, dia melihat kunjungan ke BBCC sangat bermanfaat.

“Pembangunan di kawasan Western Cape lebih bersifat mendatar (horizontal) di mana perkembangan pembangunan semakin meluas dan menuju keluar bandar. Namun, melihat objektif dan focus utama BBCC dalam membawa kembali masyarakat ke dalam Bandar dengan menggalakkan pembangunan menegak (vertical) ternyata dapat member gambaran baru untuk saya bawa pulang ke sana.

“Saya turut teruja melihat kepesatan infrastruktur khususnya kemudahan awam seperti monorel, LRT dan MRT. BBCC antara contoh pembangunan yang bukan sekadar mementingkan nilai komersial kerana pelbagai kemudahan awam seperti rel yang akan dibangunkan pada masa yang sama serta melalui kawasan ini bagi memudahkan orang ramai. Kewujudan pejalan kaki yang dilihat mesra pengguna itu juga meneraju bandar Kuala Lumpur kearah Bandar hijau,” katanya.

WUF9 anjuran United Nations Human Settlements Programme (UN-Habitat) adalah platform global bagi pembuat dasar, pemimpin kerajaan tempatan, pertubuhan bukan kerajaan dan pengamal pakar dalam bidang pembangunan bandar dan penempatan manusia dari serata dunia untuk berinteraksi serta berkongsi pengetahuan.

**TAMAT**

---

## MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA) merupakan salah satu organisasi pembangunan hartanah dan pengurusan aset yang mampan dan terkemuka di Negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan fasiliti, kompleks beli-belah serta industry hospitaliti. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari laman sesawang kami di [www.uda.com.my](http://www.uda.com.my).

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- ☐ Latifah Osman (LAT) | [lat@udanet.com](mailto:lat@udanet.com) | +6012 291 5427
- ☐ Nor Hanisah Kamaruzaman | [n.hanisah@udanet.com](mailto:n.hanisah@udanet.com) | +6013 597 4264

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan

UDA Holdings Berhad

Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,

Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.

Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855